

Dr M diiktiraf pemimpin Islam berjaya

BH 16 MAR 2002

Daripada Ahmad Rejal Arbee

MOSCOW, Jumaat – Tokoh Islam Russia menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Islam yang berjaya meningkatkan imej agama dan mengharumkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju.

Mufti Russia, Ravil Gainutdin berkata, ketika dilantik sebagai Perdana Menteri pada 1981, Dr Mahathir sudah menyatakan keazamannya untuk meningkatkan martabat Malaysia serta Islam dan selepas 20 tahun memegang jawatan itu, beliau berjaya mencapai matlamatnya.

“Kejayaan yang dicapai Malaysia kini menjadi kebanggaan umat Islam seluruh dunia dan membuktikan bahawa Islam bukan penghalang kepada kejayaan dan kemajuan,” katanya.

Ravil menyatakan demikian ketika berucap di hadapan ribuan umat Islam dari bandaraya ini yang membanjiri Masjid Prospect Mira untuk menunaikan solat Jumaat.

Beliau berkata, dalam tempoh memegang tampuk kerajaan, Dr Mahathir berjaya membawa Malaysia mencapai kemajuan yang boleh dibanggakan umat Islam.

Dr Mahathir, dalam ucapan balasnya menyatakan pentingnya umat Islam seluruh dunia berusaha menghapuskan imej konon Islam memupuk keganasan.

Beliau kesal dengan dakwaan yang memberi gambaran buruk terhadap Islam yang disamakan dengan keganasan.

Katanya, Islam adalah agama suci yang mementingkan sikap toleransi.

Beliau juga berkata, umat Islam perlu berusaha menguasai ilmu dalam pelbagai bidang bagi membolehkan negara Islam mencapai kegemilangan seperti zaman kegemilangan Islam dulu.

Dr Mahathir kemudian menyampaikan sumbangan US\$10,000 (RM38,000) dari Kerajaan Malaysia kepada masjid itu.

Terdahulu, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Russia, Mikhail Kasyanov di pejabatnya, White House.

Turut sama menteri dan menteri besar serta anggota rombongan.

Ketika berucap, Dr Mahathir menyatakan harapan supaya Russia sebagai sebuah anggota Kumpulan 8 negara maju membawa pandangan Malaysia ke persidangan kumpulan itu.

“Sekarang ini pun dua anggota lain, Perancis dan Jepun selalu mendapatkan pandangan Malaysia sebelum persidangan.

“Pandangan negara membangun perlu diambil kira sebelum keputusan dibuat oleh Kumpulan 8 kerana sebarang

Perubahan radikal jejas kemajuan

BH 16 MAR

DARI MUKA 1

tindakan yang diputuskan membawa kesan terhadap negara membangun yang ada kalanya amat buruk,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia dan Russia perlu bekerjasama untuk menghadapi perkembangan semasa yang membawa kepada perubahan radikal yang boleh menjejaskan kebebasan, kebahagiaan dan kemajuan negara membangun.

Katanya, arus globalisasi yang melanda dunia kini boleh membawa kepada kesulitan ekonomi dan pembangunan banyak negara membangun seperti Malaysia.

“Sistem liberalisasi yang hendak dipaksa terhadap semua negara akan memberi faedah kepada negara maju tetapi menjejaskan negara sedang membangun.

“Banyak negara membangun menghadapi kesulitan berikutan kemerosotan ekonomi kerana angkara spekulasi mata wang. Jika sistem yang dipelopor negara maju itu terus dilaksanakan tanpa mengambil kira kepentingan negara membangun, ekonomi dunia akan terus memberi faedah kepada negara maju dan menjejaskan kemajuan negara membangun,” katanya.

Justeru, Perdana Menteri berkata, memandangkan Russia juga menghadapi kemerosotan ekonomi dalam tempoh itu, kedua-dua negara boleh menjalin kerjasama menghadapi liberalisasi perdagangan yang tidak seimbang itu.

Kasyanov pula berkata, Russia ingin mengadakan kerjasama ekonomi yang lebih erat dengan Malaysia dan berhaaf nilai perda-

ganggan dua hala yang kini berjumlah hanya US\$300 juta (RM1.14 bilion) dipertingkatkan kepada US\$500 juta (RM1.9 bilion) dalam tempoh terdekat.

Katanya, ekonomi kedua-dua negara boleh saling membantu kerana kedua-dua negara pernah menghadapi kemerosotan ekonomi pada 1997 dan berjaya mengatasinya.

Sebelum itu Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Akademi Sains Russia dengan Akademi Sains Malaysia. Memorandum itu ditandatangani Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Ahmad Zahiruddin Idros dan Naib Presiden Akademi Sains Russia, Profesor Nikolai Plat. Persefahaman itu adalah berikutan seminar tiga hari pegawai kedua-dua akademi yang berakhir semalam.